

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 JUN 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5

Jika tambat ringgit, OPR lebih tinggi

Negara perlu rizab antarabangsa yang besar untuk jaga nilai tambatan

Jika tambat ringgit, OPR lebih tinggi

DEWAN NEGARA

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KUALA LUMPUR — Kerajaan tidak bercadang menambat semula Ringgit Malaysia (RM) seperti yang pernah dilakukan pada tahun 1998 meskipun mata wang kita berada pada paras yang rendah.

Ini kerana kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Masian, terdapat beberapa keburukan kepada ekonomi negara jika mata wang negara ditambat semula.

Antaranya kata beliau, ia akan menyebabkan negara akan kehilangan keupayaan untuk meneruskan dasar monetari sendiri.

"Sebagai contoh, jika Kadar Dasar Semalam (OPR) kita sekarang 3.0, manakala OPR Amerika Syarikat adalah 5.25. Jika kita tambat nilai ringgit kepada Dolar Amerika (USD), OPR kita perlu dinilai kepada 5.25. Sedangkan OPR kita 3.0 pun

rakyat sudah amat tidak selesa, inikan pula jika dinilai kepada 5.25 kerana bila kita tambat kita tidak ada kebebasan melaksanakan dasar monetari sendiri," katanya di Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan daripada Senator Datuk Shamsuddin Abd. Ghaffar yang bertanya adakah kerajaan akan menambat semula ringgit seperti yang dilakukan pada tahun 1998.

Jelas Ahmad lagi, langkah menambat ringgit juga akan menyebabkan negara memerlukan rizab antarabangsa yang begitu banyak untuk menjaga tambatan kepada nilai berkaian.

Selain itu, katanya, keluaran aliran modal juga tidak akan bebas kerana keluar masuk pelaburan asing ke dalam negara akan dikawal.

"Apabila kita tambat nilai ringgit, maka ia tidak baik dan menjas keyakinan daya saing kita di peringkat antarabangsa.

"Justeru, kerajaan kita tidak akan menambat semula ringgit dan akan meneruskan dasar semula ada," ujarnya.

Pada masa sama, beliau mengaku ketika ini permintaan agak berkurang dan beberapa langkah perlu diambil bagi meningkatkan semula permintaan terhadap ringgit.

"Oleh itu, sektor pelancongan perlu kita ditingkatkan supaya apabila ramai pelancong datang ke negara kita, maka permintaan terhadap ringgit akan bertambah," ujarnya.



NEGARA akan hilang upaya meneruskan dasar monetari sendiri jika Ringgit Malaysia ditambat. — GAMBAR HIASAN